

<b>Headline</b>	<b>TNB peruntuk capex RM9.5 billion tahun ini</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>15 May 2019</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>	<b>Page No</b>	<b>45</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>339 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 26,494</b>		



# TNB peruntuk capex RM9.5 billion tahun ini

**KUALA LUMPUR** — Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memperuntukan perbelanjaan modal (capex) berjumlah RM9.5 billion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding RM12 billion tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman berkata, syarikat memperuntukan jumlah lebih kecil berikutnya projek loji Jimah East Power (JEP) dijangka memulakan operasi pada tahun ini.

Menurut beliau, daripada jumlah tersebut sebanyak RM6 bilion akan dibelanjakan untuk bahagian grid manakala RM2.5 bilion lagi akan digunakan bagi penjanaan elektrik.

"Baki daripada kedua-dua perbelanjaan tersebut untuk tenaga boleh diperbaharui, pengembangan meter pintar termasuklah bagi jalur lebar optik fiber yang mana dijururkan berupaya memberi sumbangan kepada kumpulan menjelang tahun hadapan."

"Sebahagian besar daripada RM2.5 bilion bagi perbelanjaan penjanaan elektrik telah diperuntukkan untuk loji JEP di Melaka dan Southern Power Generation di Pasir Gudang, Johor yang dijangka beroperasi menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung



LEO MOGGIE (tengah) bersama Amir Hamzah (kiri) dan Nazmi menunjukkan Laporan Tahunan Bersepadu TNB selepas AGM TNB di MITEC, Kuala Lumpur semalam.

Tahunan (AGM) TNB di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia di sini semalam.

Turut hadir Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan.

Sementara itu, Amir Hamzah ketika

diminta mengulas mengenai kenaikan bersih tarif elektrik berkata, ia hanya akan dapat diputuskan selepas kajian dilakukan.

"Pada masa yang sama, TNB akan terus melaksanakan mekanisme Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api," katanya.